

PM tuntutan anak Tun M perjelas sumber kekayaan

BERITA HARIAN 31 JUL 2025 m/s: 4

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menuntut anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan sumber kekayaan masing-masing atau membayar semula wang kepada kerajaan.

Dalam temu bual bersama wartawan Indonesia, Najwa Shihab di Jakarta, Perdana Menteri berkata, pendedahan kekayaan luar biasa oleh kedua-dua anak Dr Mahathir menimbulkan persoalan yang perlu dijawab, khususnya membabitkan jumlah yang besar.

Ketika menyentuh mengenai perhimpunan dianjurkan pembangkang ditunjangi PAS yang lantang mengkritik kepimpinannya, termasuk menuduh wujudnya kes-kes rasuah ketika beliau memegang tampuk kuasa, Anwar berkata, beliau menye-

rahkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyasiat.

“Saya tidak memilih untuk menuduh sesiapa secara sembarangan. Sebaliknya, saya serahkan kepada SPRM untuk menyasiat tetapi jika seseorang itu sendiri mengisytiharkan memiliki aset bernilai RM1.2 bilion, manakala seorang lagi RM4 bilion, maka wajarlah mereka bayar balik, melainkan mereka boleh menjelaskan sumber dana itu,” katanya.

Untuk rekod, aset Tan Sri Mokhzani Mahathir sebelum ini dianggarkan bernilai sekitar RM1 bilion, manakala Mirzan Mahathir memiliki RM246.2 juta seperti yang diisytiharkan kepada SPRM.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan, meny-

fatkan sebagai pelik apabila pembangkang di negara ini dilihat mempertahankan individu yang dikaitkan dengan kekayaan luar biasa.

“Pelik apabila pembangkang pula yang mempertahankan isu seperti ini. Sepatutnya mereka

menjadi pihak paling tegas dalam menentang rasuah.

“Anehnya (peliknya) pembangkang pula yang melindungi individu berkait rasuah, termasuk yang didukung oleh Dr Mahathir. Sepatutnya mereka menjadi barisan paling lantang me-

nentang rasuah.

“Apa (perlunya) anak perdana menteri atau menteri memiliki kekayaan berbilion ringgit? Kita mesti hentikan budaya ini. Reformasi bukan hanya atas kertas atau dalam bentuk peraturan semata-mata. Reformasi itu adalah (dengan) melaksanakan kata-kata” tegasnya.

Justeru, Anwar menegaskan, perjuangan reformasi yang dibawanya bukan sekadar slogan atau bersifat retorik.

Temu bual itu berlangsung ketika Perdana Menteri mengadakan lawatan kerja dua hari ke Indonesia kelmarin, bagi menghadiri Rundingan Tahunan Malaysia-Indonesia Ke-13 bersama Presiden, Prabowo Subianto, yang juga sesi pertama antara kedua-dua pemimpin itu.



Mokhzani Mahathir



Mirzan Mahathir